

29 SEP 1996

Mahathir-Parti

BUDAYA BAWA MASALAH PARTI KE MAHKAMAH TERUS DIKIKIS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini budaya membawa masalah dalaman parti ke mahkamah harus diberhentikan kerana ia tidak akan membawa faedah kepada mana-mana pihak.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata bukan sahaja tindakan itu akan membuang masa mahkamah tetapi ia juga akan membawa kepada masalah yang lebih besar kepada parti-parti berkenaan.

"Jika mahkamah diganggu dengan pertikaian antara parti-parti politik, tidak akan ada akhirnya," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya dari lawatan 17 hari ke

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Anggota Parlimen Batu Datuk Joseph Chong yang membawa parti Gerakan ke mahkamah untuk mendapatkan perintah sementara sebelah pihak supaya pencalonannya bagi jawatan presiden parti pada pemilihan parti 5 Okt ini tidak dibatalkan oleh parti.

"Hari ini ia mungkin melibatkan parti secara menyeluruh. Mungkin pada masa lain ia melibatkan bahagian dan cawangan parti serta orang perseorangan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata memang dalam parti politik terdapat perbezaan pendapat tetapi ia perlu diselesaikan secara positif.

"Kalau pergi ke mahkamah dan walaupun mahkamah rasa pemimpin ini sepatutnya jadi pemimpin tetapi anggotanya semua tak suka (pemimpin itu), dia tak akan jadi pemimpin juga," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata seharusnya ada kompromi di kalangan calon yang ingin bertanding bagi jawatan tertinggi sesebuah parti tetapi kadang-kadang perkara itu tidak boleh berlaku.

"Tetapi mahkamah bukan cara menyelesaikan soal perpecahan dalam parti kerana mahkamah boleh menentukan mengikut undang-undang tetapi tidak boleh menentukan mengikut kehendak anggota parti," kata beliau.

Mengenai tindakan Chong membawa Gerakan ke mahkamah, Dr Mahathir berkata: "Masalah dalaman parti tidak boleh dibawa ke Mahkamah."

Beliau bagaimanapun percaya masalah dalaman Gerakan tidak akan menggugat kestabilan Barisan Nasional (BN) dan yakin parti itu akan dapat menyelesaikannya.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada pemimpin-pemimpin Gerakan, Dr Mahathir mahu mereka menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya mengenai dakwaan bahawa kononnya Chong cuba menjatuhkan pemimpin veteran Gerakan dengan menampilkan calon-calon di dalam pasukan "Wawasan" yang diketuainya.

"Oleh kerana saya tidak ada maklumat penuh, saya tidak berminat untuk membuat komen sehingga saya dapat maklumat," kata beliau.

-- BERNAMA

ES AHH